

03/06/1999

Perhimpunan agung akan bahas inti pati ucapan PM

KUALA LUMPUR, Rabu - Semua usul perbincangan dan perbahasan di Perhimpunan Agung Umno mulai 18 Jun ini bergantung kepada intipati ucapan dasar Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata isu perbincangan dan perbahasan yang penting hanya akan diputuskan dalam majlis taklimat Presiden sebelum perhimpunan itu.

"Perkara yang akan dibahaskan oleh perwakilan lazimnya berkait rapat dengan usul yang dibangkitkan Presiden ketika ucapan dasar yang akan merangkumi isu sosial, ekonomi serta politik tempatan dan antarabangsa.

"Apa yang dapat dipastikan buat masa sekarang ialah sebahagian besar perbahasan akan berkisar mengenai isu semasa yang berkepentingan kepada perpaduan parti dan keutuhan negara," katanya pada satu sidang akhbar di sini hari ini.

Mengenai sama ada isu bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan dibincang dalam perhimpunan kali ini, Khalil berkata itu adalah cerita lama yang berulang kali diperjelaskan dan tidak perlu diungkit.

Beliau juga menolak dakwaan yang perpaduan ahli Umno akan tergugat berikutan tindakan pakatan pembangkang yang semakin ghairah memancing pengundi dari parti lain.

"Berdasarkan keahlian Umno yang kini berjumlah sekitar tiga juta, soal kekuatan parti atau masalah berlaku perpecahan tidak timbul langsung, malah kekuatan dan kemantapan Umno kini lebih memberangsangkan.

"Rakyat, khususnya majoriti masyarakat Melayu, kini lebih matang dan sedar bahawa dasar Umno adalah landasan terbaik bagi memperjuangkan hak mereka disamping mengekalkan hubungan erat antara ahli," katanya.

Dalam perkembangan lain, Khalil juga menyuarakan rasa bangga atas pelantikan anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Jengka, Pahang, Datuk Zainal Hassan sebagai Exco kerajaan negeri Pahang hari ini.

Zainal yang pernah menjadi peneroka di Rancangan Felda Sungai Renek, Maran pada tahun 1974, aktif dalam politik sejak 1964 dan pernah menjadi kerani pejabat Umno Bahagian Temerloh sehingga 1974.

Menurut Khalil, pelantikan itu selaras dengan saranan Dr Mahathir yang mengalu-alukan gabungan pemimpin veteran dan muda dalam pucuk pimpinan parti.

Tambahan pula, katanya, pemilihan seorang bekas peneroka menyertai Exco kerajaan negeri amat bertepatan kerana lebih 38 peratus daripada 110 tanah rancangan penerokaan Felda di negara ini adalah di Pahang.

Menurutnya lagi, kelebihan itu akan memudahkan penjelasan mengenai dasar kerajaan serta pelaksanaan program pembangunan mengikut keperluan masyarakat peneroka terbabit.

(END)